



**KEMENTERIAN KEWANGAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan  
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000  
Faks : 06-234 5201/ 5202/ 5207  
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12( 32 )  
Tarikh : 15 Jun 2023  
Bersamaan : 26 Zulkaedah 1444H

**Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)  
Ketua Pusat Pembayar**

Tuan,

**ARAHAN KERJA BIL.30/2023/O : PENYERAGAMAN PENGGUNAAN KOD  
AKAUN (CARTA AKAUN AKRUAN – CAA), PERIHAL DAN MODUL BAYARAN**

Dengan segala hormatnya saya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP) telah mengeluarkan arahan penyeragaman penggunaan kod akaun (Carta Akaun Akruan - CAA), perihal dan modul bayaran yang kerap digunakan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) melalui platform **MyCODE** yang telah dibangunkan oleh JANM Selangor.

3. Sehubungan itu, pihak tuan boleh merujuk platform **MyCODE** sebagai panduan dan rujukan bagi tujuan penyediaan/ semakan Pesanan Kerajaan/ Arahan Pembayaran dan transaksi-transaksi lain yang berkaitan. **MyCODE** ini boleh diakses melalui pautan berikut :

<https://shorturl.at/jqTW5>

PTJ perlu rujuk bersama pekeliling/ surat pekeliling Carta Akaun Akruan yang berkuat kuasa bagi penjelasan lanjut/ kod akaun yang tidak disenaraikan di dalam **MyCODE**.

4. **MyCODE** ini telah mengambil kira perihal bayaran seperti yang dinyatakan di dalam surat edaran yang terdahulu di mana maklumat perihal Pesanan Kerajaan/ Arahan Pembayaran hendaklah tepat sepertimana maklumat yang diperlukan tertera di Penyata Bank penerima bayaran. Maklumat perihal bayaran juga hendaklah

dinyatakan nombor invois dan tujuan bayaran/ keterangan yang bersesuaian mengikut jenis perolehan dan bayaran.

5. Adalah diingatkan, berdasarkan sistem maklumat perbankan, hanya 20 aksara pertama sahaja yang tertera di Penyata Akaun Bank penerima bayaran. Oleh itu, PTJ hendaklah mengunci masuk berdasarkan panduan di pautan **MyCODE** yang diberikan dan sepertimana contoh di Lampiran 1.

6. Sebarang ketidakpatuhan ke atas Arahan Kerja ini akan menyebabkan dokumen tuan tidak akan disemaklulus untuk proses seterusnya. Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada pegawai di jabatan ini seperti berikut:

- i) Nur Azira binti Abd Rahman di talian 06-2895003
- ii) Muhaini binti Makhtar di talian 06-2895086
- iii) Mohd Fadzil bin Mohd Yusoff di talian 06-2895093

7. Arahan kerja ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 2023** dan membatalkan arahan terdahulu yang berkaitan kecuali Arahan Kerja atau tatacara pembayaran yang melibatkan pembayaran gaji.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SHABIBAH BINTI BACHOK C.A(M),CPA (Aust.))**  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Negeri Melaka.

**CONTOH CATATAN PERIHAL BAYARAN MENGIKUT JENIS DAN PENERIMA BAYARAN**  
(sistem membenarkan perihal sehingga 100 aksara, 20 aksara pertama sahaja yang tertera di Penyata Bank)

**4.1 Bayaran Kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) Yang Memberikan Perkhidmatan**

Perihal bayaran hendaklah mengandungi nombor rujukan yang mengandungi maklumat kod PTJ yang memberikan perkhidmatan dan nombor invois seperti berikut :

Kod PTJ	Nombor Invois/ Rujukan	Perihal
27020701	12345678	Perkhidmatan ujian sampel oleh Jabatan Kimia
27020701	87654321	Bayaran sewaan khemah untuk program Hari Sukan Negara

**Contoh perihal bayaran kepada PTJ :**

- a. 27020701/12345678 – Perkhidmatan ujian sampel oleh Jabatan Kim
- b. 27020701/87654321 – Bayaran sewaan khemah untuk program Hari Sukan Negara

**4.2 Bayaran Kepada Pembekal**

Perihal pembayaran bagi perolehan melalui sistem ePerolehan adalah seperti yang telah diformatkan secara auto yang menyatakan maklumat invois dan nombor rujukan.

Manakala perihal bayaran bagi perolehan selain sistem ePerolehan hendaklah mengandungi nombor rujukan invois dan tarikh seperti berikut :

No. Invois	Tarikh	Perihal
BC12345W	11042023	Pembelian lesen perisian.
ABC123S	11042023	Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH) Di Hospital Sungai Buloh bagi Bulan April 2023.

**Contoh perihal bayaran kepada Pembekal :**

- a. BC12345W/ 11042023 – Pembelian lesen perisian
- b. ABC123S/ 11042023 – Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH)

DiHospital Sungai Buloh Bagi Bulan April 2023.

#### 4.3 Bayaran Kepada Individu/

Perihal bayaran hendaklah mengandungi catatan ringkas jenis bayaran, bulan dan tahun seperti berikut :

Catatan/Ringkas	Bulan	Tahun	Perihal
TNT	04	2023	Tuntutan Perjalanan bulan April 2023
OT	04	2023	Tuntutan Elaun Lebih Masa April 2023
CERAMAH	04	2023	Bayaran saguhati penceramah.

**Contoh perihal bayaran kepada Individu/ Pemegang Panjar :**

- a. TNT 04/2023 – Tuntutan Perjalanan bulan April 2023
- b. OT 04/2023 – Tuntutan Elaun Lebih Masa April 2023
- c. CERAMAH 04/2023 – Bayaran saguhati penceramah bukan kakitangan awam

#### 4.4 Pemegang Panjar

202111134003 – Rekupmen Panjar Khas Bulan Mac 2023



*ID dijana secara auto dari system*

#### 4.5 Bayaran Kepada Agensi Pukal (Arahan Pembayaran berdasarkan keperluan sahaja seperti akaun belum dipukalkan)

Perihal bayaran hendaklah mengandungi nombor akaun, nombor invois dan tarikh seperti berikut :

Nombor akaun (Tertakluk kepada bilangan digit yang ditetapkan oleh agensi)	Nombor	Tarikh Invois
324443423523	9004063287	1 April 2023